

Headline	Rakyat Malaysia perlu bersatu hati		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	14 Jul 2014	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	178,211
Page No	5	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	253 cm <sup>2</sup>
Journalist	pengarang@utusan.com.my	AdValue	RM 5,000
Frequency	Daily	PR Value	RM 15,001



## Tampil hulur sumbangan ringankan penderitaan rakyat Palestin - Azeez Rakyat Malaysia perlu bersatu hati

Oleh NORLIA RAMLI

pengarang@utusan.com.my

**BALING** 13 Julai - Semua rakyat Malaysia termasuk pertubuhan bukan kerajaan (NGO), orang perseorangan, pihak swasta dan sebagainya perlu tampil menghulurkan sumbangan bagi meringankan penderitaan rakyat Palestin akibat kekejaman rejim Zionis.

Pengerusi Biro Kebajikan UMNO, Datuk Seri Abdul Azeez Rahim berkata, di atas kesedaran itu pihaknya meneruskan misi bantuan kemanusiaan Gaza untuk membantu rakyat Palestin yang menjadi mangsa kekejaman.

Katanya, sebanyak 60 tan makanan dan 40 tan ubat-ubatan diperlukan oleh rakyat Palestin

yang semakin ditindas.

"Semua pihak di negara ini bersatu hatilah dan tanpa fahaman politik melaksanakan satu platform dalam misi keamanan ini untuk sama-sama bermuzakarah dan memberikan bantuan, tambahan pula ini adalah bulan Ramadan, bulan yang suci untuk umat Islam.

"Kerajaan telah mengutuk sekeras-kerasnya kekejaman yang dilakukan ke atas penduduk Palestin yang kini lebih 100 orang telah terbunuh," katanya dalam Majlis Sumbangan Zakat Projek Ehsan Tabung Haji Peringkat Negeri Kedah dekat sini hari ini.

Kata beliau, seramai 50 orang dok-

tor pakar perubatan kanak-kanak, sakit puan dan ortopedik akan menyertai misi tersebut tidak lama lagi bagi memberikan bantuan dan rawatan kepada mereka yang cedera.

"Antara sumbangan lain yang boleh diberikan oleh rakyat negara ini ialah wang tunai, pakaian, kerusi roda, ubat-ubatan dan sebagainya," kata Duta Kehormat Palestin itu yang akan turut serta dalam misi tersebut.

Dalam pada itu, beliau turut mengingatkan orang ramai agar lebih berhati-hati ketika memberikan sumbangan untuk mengelak daripada menjadi mangsa penipuan pihak tidak bertanggungjawab yang cuba mengeksploitasi situasi rakyat Palestin itu.



**ABDUL Azeez Abdul Rahim** mengagihkan wang zakat kepada penerima asnaf miskin dan fakir ketika majlis Sumbangan Zakat Projek Ehsan Tabung Haji Peringkat Negeri Kedah di Dewan Kenangan Tun Abdul Razak, Baling, Kedah, semalam. - UTUSAN/NORLIA RAMLI